

Bosnia: Malaysia sudah **tulis** kepada **PBB** (P)

Mn M. 23 AUG 1992

LANGKAWI 22 Ogos — Malaysia telah pun menulis surat kepada semua anggota Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu mendesak bagi diadakan segera mesyuarat membincangkan keganasan puak Serb ke atas orang Islam di Bosnia.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata sehingga ini beliau tidak tahu apakah reaksi anggota Majlis Keselamatan itu kerana beliau baru sahaja menghantar surat itu.

Bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Mat Sirat di sini, sebelum berlepas pulang ke ibu negara, beliau berkata, "Saya tidak tahu sama ada mereka akan mengambil tindakan atau tidak."

Perdana Menteri berada di sini sejak Rabu lepas.

Katanya, sekiranya Majlis Keselamatan tidak mahu membuat keputusan berhubung dengan isu berkenaan, Perhimpunan Agung PBB patut mengadakan persidangan tergepar bagi membuat satu keputusan supaya PBB dapat bertindak.

"Malaysia tetap akan menyokong dan menyertai persidangan itu sekiranya ada desakan daripada Pertubuhan

Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) untuk mengadakannya," ujar Perdana Menteri.

Beliau menambah, "Kalau OIC kata, patut ada perhimpunan khas kita sokong dan kita akan menyertainya."

Mengulas mengenai kira-kira 1/3 daripada 60 negara yang memberi persetujuan memanggil sidang tergepar PBB bukan anggota OIC, tetapi pergerakan berkecuali (NAM), beliau berkata: "Saya mengalu-alukan perkara itu."

Keputusan

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, semua negara mestilah bersedia melaksanakan sebarang keputusan yang dicapai oleh PBB.

"Tidak ada guna kita mendesak diambil tindakan tetapi tidak sanggup melaksanakannya," katanya.

Beliau berharap tidak berlaku seperti yang pernah berlaku ketika PBB hendak mengambil tindakan ke atas pencerobohan Korea Selatan oleh Korea Utara dan China pada suatu masa dulu.

Menurut Perdana Menteri, ketika itu, kuasa-kuasa Barat mengenyepikan Majlis Keselamatan kerana mereka tahu sekiranya masalah itu dikemu-

kakan ke Majlis Keselamatan, ada anggota iaitu Soviet Union akan menentanginya.

Oleh itu, katanya, mereka mengenyepikan Majlis Keselamatan dan terus membawa masalah itu ke Persidangan Agung PBB bagi membuat keputusan.

Perdana Menteri turut mengecam kuasa-kuasa besar yang hanya pandai bercakap mengenai hak asasi manusia atau melakukan tindakan yang tidak demokratik.

Ini jelas sekali bahawa hak asasi manusia dicemari oleh Serbia dan mereka membuat keputusan yang tidak demokratik.

"Kalau kuasa-kuasa besar bercakap mereka berhak, inilah masanya mereka menunjukkan hak itu, bukan ke atas negara-negara kecil," katanya.

Menurut Perdana Menteri, apa yang dilakukan oleh negara-negara kecil yang telah diambil tindakan oleh Barat, tidak pun sampai pada tahap tindakan keganasan yang telah dilakukan oleh Serbia.